

**Suruhanjaya Tenaga**  
(Energy Commission)

12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2  
62100 Putrajaya, Malaysia  
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)



**KENYATAAN MEDIA**  
**31 JANUARI 2022**

**TIADA KENAIKAN TARIF ELEKTRIK DI SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
LABUAN DI BAWAH PELAKSANAAN MEKANISME *INCENTIVE-BASED*  
REGULATION BAGI TEMPOH KAWAL SELIA PERTAMA (RP1: 2022 – 2024)**

**PUTRAJAYA, 31 Jan** – Kerajaan pada 22 Disember 2021 telah bersetuju mengekalkan kadar tarif elektrik semasa di Sabah dan Wilayah Persekutuan (WP) Labuan di bawah mekanisme *Incentive-Based Regulation* (IBR) pada 34.52 sen/kWj bagi tempoh kawal selia pertama (*Regulatory Period 1 – RP1*) bermula pada 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2024.

Mekanisme IBR merupakan satu dasar baru dalam kaedah penetapan tarif elektrik yang digunakan secara efektif dalam kawal selia ekonomi yang telah digunakan dalam penetapan tarif elektrik di Semenanjung dan di peringkat antarabangsa. Kelebihannya adalah seperti berikut:

- semakan tarif akan dibuat pada setiap tempoh kawal selia (3 tahun) dengan pelarasan bagi perubahan kos bahan api yang di luar kawalan utiliti secara teratur;
- pengasingan akaun bagi setiap entiti bisnes utiliti yang dikawal selia supaya meningkatkan kecekapan kos – tiada pertindihan kos operasi dan kos modal; dan
- penilaian operasi SESB dilaksana berdasarkan penetapan petunjuk prestasi utama (KPI) iaitu diberikan insentif sekiranya prestasi baik dan akan dikenakan penalti sekiranya tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

Bagi mengekalkan kadar tarif semasa di Sabah dan WP Labuan, secara keseluruhannya, Kerajaan Persekutuan telah memberikan subsidi sebanyak RM7.64 bilion yang antaranya adalah subsidi bahan api dan subsidi sokongan tarif bagi pengguna-pengguna di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan daripada tahun 2005 hingga 2020.

**- TAMAT -**

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Azrina Mohammad Jais/Zairullati Mali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-3589255 (Azrina)/013-2183778 (Zairullati)/018-3822545 (Harith)

Emel: azlinamj@st.gov.my/zairullati@st.gov.my/harith@st.gov.my

---

**MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.